

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 FEBRUARY 2015



NAJIB TUN RAZAK bersalam dengan Ahmad Yakob di Putrajaya, semalam.

Ahmad Yakob temui Najib
bincang isu rakyat um-24/2/2015

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa kira-kira setengah jam berbincang mengenai kepentingan rakyat dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Pertemuan tertutup yang berlangsung di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya itu adalah kali kedua selepas pertemuan serupa pada November 2013 sebaik sahaja Ahmad mengambil alih tampuk kepimpinan Kelantan.

Menerusi laman Twitternya, Najib turut berkongsi dua keping gambar yang memaparkan

pertemuannya dengan Menteri Besar Kelantan itu tetapi tidak pula memperincikan butir-butir perbincangan mereka.

Bagaimanapun, difahamkan isu mengenai pembangunan semula Kelantan selepas negeri itu musnah teruk akibat dilanda bencana banjir terburuk menjadi topik utama perbincangan.

"Bertemu dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob petang tadi, berbincang mengenai kepentingan rakyat," kata Perdana Menteri menerusi akaun Twitternya sebagaimana dipetik hari ini.